

# UPACARA PENGUTUSAN PARA KATEKIS PAROKI

*(Semua katekis dijemput untuk maju ke hadapan dan berdiri dengan teratur di hadapan Altar. Apabila semua sudah bersedia, Paderi Paroki akan menyapa mereka)*

## **PADERI PAROKI:**

Saudara dan Saudari,

Di dalam kehadiran Allah dan umat-Nya, kamu akan menyatakan keinginan kamu secara umum untuk melayani Tuhan sebagai katekis di komuniti paroki .....

Kamu telah diajar bahawa kamu tidak hanya mengajar pengetahuan agama tetapi juga menjadi saksi-saksi hidup kepada cara kehidupan Injil yang harus kamu sampaikan kepada orang lain.

Untuk melaksanakan pelayanannya ini, kamu harus terus-menerus melengkap diri kamu bukan sahaja dalam mendalami pengetahuan agama kita tetapi juga mengasihi Firman Tuhan dan Pengajaran Gereja dan mengamalkannya dalam kehidupan kamu setiap hari.

Sekiranya kamu bersedia dan rela untuk menyerahkan diri kamu kepada tugas suci ini, saya sekarang menjemput kamu untuk menyatakan keinginan kamu di hadapan Tuhan, di hadapan saya, paderi kamu dan di hadapan seluruh komuniti yang hadir di sini.

## **Komitmen Katekis**

*(Semua calon mengucapkan komitmen bersama-sama)*

Allah Bapa kami yang maha pengasih, kami bersyukur kepada-Mu kerana memanggil kami untuk menyebarkan Khabar Baik Yesus, Putera-Mu melalui pelayanannya kami sebagai katekis di paroki ini.

Hari ini, di dalam kehadiran Illahi-Mu, di hadapan Paderi Paroki kami dan seluruh komuniti paroki, kami menyatakan kerelaan kami untuk melayani di bidang kateketikal bagi satu tahun. Kami berjanji untuk terus mengenali dan mengasihi Putera-Mu Yesus, Tuhan dan Guru kami. Kami juga berjanji untuk mengongkakan dengan setianya iman yang kami terima melalui Bonda Gereja bersama umat yang lain dalam semangat Yesus, yang datang untuk memberikan kami hidup yang berlimpah-limpah. Kami dengan setianya memohon Roh Kudus-Mu untuk menguatkan pelayanannya kami. Kami juga mohon sokongan doa daripada seluruh komuniti paroki kami.

Kami mengungkapkan komitmen kami ini kepada-Mu ya Allah dan Bapa kami, melalui Putera-Mu, Yesus Kristus, Guru kami yang hidup dan berkuasa bersama Dikau dan Roh Kudus, Satu Tuhan untuk selama-lamanya. Amin.

## **DOA KE ATAS KATEKIS**

*(Paderi merentangkan tangannya sambil mengucapkan doa berikut)*

**PADERI:**

Bapa, kami bersyukur kepada-Mu kerana perhatian dan pengembalaan-Mu, Engkau mengutus Putera-Mu untuk menunjukkan kami jalan, memimpin kami kepada kebenaran dan mengongkakan hidup-Mu dengan kami. Di sepanjang zaman, Engkau tidak pernah meninggalkan Gereja-Mu tanpa guru dan pembawa-pembawa iman. Pandanglah dengan penuh kasih saudara-saudari kami ini, yang Engkau panggil untuk menjadi katekis di tengah-tengah kami. Terimalah komitmen mereka dan kuatkanlah keputusan mereka dengan mencurahkan Roh Kudus-Mu ke atas mereka, kami mohon ini demi Kristus Tuhan kami.

**Umat:** Amin

## **PENGUTUSAN PARA KATEKIS**

Atas nama Allah dan Gereja-Nya, kami sekarang mengutus kamu untuk melayani sebagai katekis di Paroki ini bagi tempoh satu tahun. Semoga Tuhan menyertai kamu dan doa kami menyertai kamu semua.

**Katekis:** Syukur kepada Tuhan.

*(Umat memberi persetujuan mereka dengan bertepuk tangan)*